

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP DIALOG ANTARA AGAMA: KAJIAN
DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN 4, FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), SKUDAI, JOHOR**

Azmi Shah Bin Suratman & Azrinah Binti Abdul Rahah
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Dalam masyarakat majmuk di Malaysia, isu-isu antara agama sering dibincangkan. Antara tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap Dialog Antara Agama dalam kalangan pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap dialog antara agama, mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama dan faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dalam dialog antara agama. Sampel kajian adalah seramai 123 orang daripada 303 orang pelajar dari 5 kursus yang berlainan. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah. Instrumen bagi kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 45 item. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of Social Sciences (SPSS) for Windows version 14.0. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha ialah $\alpha=.839$. Purata min untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap dialog antara agama ialah 3.22. Sementara, untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama, menunjukkan purata min sebanyak 3.15, manakala purata min bagi faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dalam dialog antara agama ialah 3.02. Purata min keseluruhan bagi kajian ini berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.14. Hasil kajian menunjukkan responden masih kurang terlibat dalam penganjuran dialog antara agama. Keadaan ini dapat diatasi dengan mengemukakan beberapa cadangan. Antaranya ialah harus ada kempen setara yang selaras dengan arus perdana dalam memartabatkan hubungan masyarakat yang harmonis dan mempelbagaikan pendekatan dengan tujuan yang sama.

Abstract: In the plural community of Malaysia, issues inter-religious are always debated upon. Among the purpose this study was conducted to identify the student's perceptions towards inter-religious dialogue among 4th year student's from the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. This study is focusing regarding to identify the level of student's knowledge on inter-religious dialogue, to identify the level of student's understanding on issues in inter-religious dialogue and the supporting factors for the student's to be involved in inter-religious dialogue. The sample of the study is 123 student's out of 303 student's from 5 courses. The selection of the sample is using easy random sampling. The instrument of this study is questionnaire which contains 45 items by using the Likert scale of 1 to 4. Descriptive statistical analysis was used to get frequency value, percentage and mean. Data was analyzed by using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) for Windows version 14.0 software. The pilot study shows that Cronbach's Alpha is $\alpha=.839$. Mean average to identify the level of student's knowledge on inter-religious dialogue students is 3.22. Meanwhile, to identify the level of student's understanding on issues inter-religious dialogue is 3.15 and the mean average for the supporting factors of student's to be involved in inter-religious dialogue is 3.02. Overall, the mean average for this study is high, which is 3.14. The result of this study shows that respondent's are less involved in inter-religious dialogue. This situation could be improved with the suggestion that has been presented. In the future, efforts to conduct inter-religious dialogue must be planned and has continuity to consolidate the relationships in a harmonic society and make various methods with the same purposes.

Katakunci: agama, dialog

Pengenalan

Kepelbagaian agama, kaum serta budaya di Malaysia berkait rapat dengan sejarah sebelum Malaysia mendapat kemerdekaan dan selepas kemerdekaan iaitu dengan berlakunya migrasi penduduk China dan India ke Malaysia yang menjadi buruh dalam pelbagai sektor ekonomi, telah mewujudkan komposisi bangsa yang berbeza. Kepelbagaian bangsa ini kadangkala boleh mewujudkan masalah dan konflik sama ada melibatkan sektor ekonomi, politik dan sosial.

Perpaduan dan keamanan merupakan satu isu penting dalam konteks kehidupan negara, apatah lagi, bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Perpaduan dan keharmonian hubungan antara kaum ini mempunyai pertalian rapat dengan isu ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan agama. Setiap kaum atau golongan yang diwakili akan memperjuangkan hak-hak mereka dan mereka berusaha untuk mendapatkan keadilan serta toleransi, namun kesemua hak-hak tersebut perlu merujuk kepada perlembagaan berkaitan dengan Perkara 121(1).

Pernyataan Masalah

Malaysia merupakan sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, pelajar-pelajar yang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi IPTA mahupun IPTS di seluruh negara terdiri daripada mereka yang menganuti agama berbeza. Semua pelajar seharusnya menyedari bahawa, mereka perlu hidup bersama dalam keadaan yang tenteram dan tidak terpengaruh dengan dakyah perkauman serta pemahaman agama yang sempit.

Melihat realiti kehidupan di kampus universiti, tahap kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap sikap toleransi beragama masih berada di tahap yang rendah. Masih ada pelajar yang cenderung bergaul dan bersahabat hanya dengan mereka yang satu bangsa dan satu agama dengannya sahaja. Di kafeteria, mereka duduk makan sesama sendiri sahaja. Di bilik-bilik kolej kediaman mereka hanya mahu tinggal dalam satu kelompok. Tidak timbul rasa minat dalam diri pelajar untuk terlibat dalam program-program yang melibatkan agama dan bangsa lain. Keadaan ini menyebabkan integrasi sosial tidak berlaku.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan atas dasar keprihatinan penyelidik untuk mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan dan pandangan pelajar sebagai salah satu anggota masyarakat mengenai isu-isu yang berhubung dengan interaksi dan konflik antara agama yang berlaku dalam masyarakat serta kefahaman mereka untuk menjadikan dialog sebagai langkah untuk keluar dari kemelut yang sedia ada, selain dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dalam dialog antara agama.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

1. Menenalpasti tahap pengetahuan pelajar terhadap dialog antara agama.
2. Menenalpasti tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama.
3. Menenalpasti faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dalam dialog antara agama.

Kepentingan Kajian

Penyelidik menjangkakan bahawa kajian ini penting dijalankan bagi memberikan manfaat kepada masyarakat amnya, khususnya kepada pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya.

Kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada golongan pelajar sama ada pelajar yang beragama Islam ataupun pelajar bukan Islam sebagai generasi pelapis kepimpinan negara pada masa akan datang agar peka terhadap isu-isu dialog antara agama dengan memahami konsep berdialog itu sendiri. Kefahaman ini penting bagi mewujudkan toleransi dan kerjasama dalam kalangan pelajar, di samping dapat meningkatkan usaha untuk memperkukuhkan nilai sepunya antara sesama kaum dan agama menerusi dialog.

Kajian ini turut memberi peringatan dan saranan kepada pemimpin Negara supaya menggalakkan kelompok masyarakat untuk mengikuti perkembangan mengenai isu yang dibahaskan ketika menganjurkan sesi dialog antara agama. Selain dapat mengambil manfaat dan pendekatan yang lebih baik untuk mengeratkan lagi ikatan perpaduan dalam organisasi masyarakat.

Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan ke atas pelajar-pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Penyelidik mengkhususkan kajian ini kepada pelajar-pelajar Tahun 4 bagi 5 kursus seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)- SPI
- ii) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (TESL)- SPL
- iii) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia)- SPC
- iv) Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan)- SPS
- v) Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)- SPH

Rasional pemilihan responden berdasarkan 5 kursus di atas adalah kerana bagi memudahkan penyelidik untuk berhubung dengan responden yang turut berada di bawah fakulti yang sama dengan penyelidik. Kajian ini terbatas pada 3 perkara utama iaitu, untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap dialog antara agama, untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama, serta faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar-pelajar dalam dialog antara agama.

Metodologi

Populasi dan Sampel kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Perdana Tahun 4, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003: 38), 30% daripada populasi itu sudah dianggap mencukupi bagi saiz sampel sebenar. Penyelidik mengambil lebih dari 30% daripada populasi. Ini bertepatan dengan saranan Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003: 37) yang menyatakan bahawa lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi.

Sampel yang digunakan oleh penyelidik adalah berdasarkan persampelan rawak mudah. Ini bermakna responden mempunyai kebarangkalian yang sama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Jumlah keseluruhan populasi kajian ini adalah seramai 303 orang. Penyelidik telah memilih sampel seramai 123 orang, bagi memastikan jumlah sampel tersebut mewakili jumlah populasi yang sebenar.

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003: 38) lagi, persampelan ini dipilih secara rawak, tetapi dari setiap strata dalam populasi. Contohnya, memilih sampel secara rawak berdasarkan lelaki dan perempuan, kumpulan etnik dan pelbagai peringkat umur. Ini bertujuan untuk mendapatkan bilangan sampel yang dipilih berkadaran dengan jumlah ahli dalam setiap kumpulan populasi.

Instrumen Kajian

Semasa melaksanakan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

1. Pengumpulan Data Primer

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003: 88), kaedah soal selidik sering digunakan untuk mengetahui sikap seseorang iaitu dengan menggunakan soal selidik secara terbuka, senarai semak dan skala kadar.

2. Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data-data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperoleh melalui:

- i) Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.
- ii) Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.
- iii) Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Utama dan Pusat Sumber Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM).
- iv) Artikel-artikel daripada seminar, majalah dan surat khabar.
- v) Internet

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang telah digunakan. Oleh kerana soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik di samping mendapat bimbingan dari penyelia, maka penyelidik perlu menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaannya sebelum set soal selidik tersebut diedarkan kepada sampel sebenar. Di samping itu, kajian rintis ini juga dijalankan bagi memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti.

Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas 14 orang pelajar yang menetap di Kolej 9 dan terdiri dari kalangan pelajar yang tidak mengambil kursus di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor. Mereka terdiri dari pelbagai anutan agama, bangsa dan budaya. Seramai 7 orang pelajar Melayu, 3 orang pelajar Cina, 3 orang pelajar India dan seorang pelajar yang menganut agama Kristian telah dipilih oleh penyelidik. Penyelidik memilih sampel kajian rintis ini secara rawak mudah. Untuk memperolehi kesahan yang baik, penyelidik perlu memastikan isi kandungan dan tadbiran soalan adalah baik.

Setelah selesainya proses kajian rintis, penyelidik melakukan analisis terhadap data untuk mengetahui nilai alpha (kebolehpercayaan) item yang dibina. Nilai alpha yang diperolehi ialah $\alpha = 0.839$. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 100), sekiranya nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8, bermakna tahap kesahan atau kebolehpercayaan item yang diuji adalah tinggi. Ini menunjukkan soalan yang telah direka bentuk oleh penyelidik adalah sesuai untuk digunakan bagi kajian ini kerana mempunyai tahap

kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Walau bagaimanapun, penyelidik telah melakukan beberapa pengubahsuaian terhadap item soal selidik yang ada untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis mendapati kebanyakan responden kajian adalah terdiri daripada pelajar perempuan (69.9%) dan diikuti oleh pelajar lelaki (30.1%). Umum mengetahui bahawa pelajar perempuan merupakan majoriti daripada pelajar di kebanyakan IPTA.

Analisis berikutnya adalah berkaitan dengan bangsa. Analisis menunjukkan majoriti responden berbangsa Melayu (84.6%), diikuti bangsa Cina (8.1%), India (4.9%), dan bangsa-bangsa lain (2.4%) pula terdiri daripada kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa, setiap bangsa menjadi responden bagi kajian ini dan tidak tertumpu pada satu bangsa sahaja. Namun, kaum bumiputera merupakan responden yang paling ramai berada di UTM.

Oleh kerana majoriti responden adalah berbangsa Melayu, maka majority responden juga beragama Islam (85.4%) diikuti penganut agama Buddha (6.5%). Manakala, Hindu (4.9%), Kristian (3.3%) dan tiada dari kalangan responden yang menganut agama Sikh dan penganut agama lain-lain. Faktor agama ini dimasukkan bagi mengetahui tahap penglibatan mereka dalam dialog bagi setiap penganut agama.

Berikutnya merupakan perbincangan mengenai kursus pengajian yang terpilih menjadi responden. Kursus pengajian yang paling ramai ialah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) (SPI) (26%), diikuti oleh kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (TESL) (SPL) (21.2%). Manakala, bagi kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan) (SPS) dan Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) (SPH) mencatat nilai peratusan yang sama iaitu (20.3%). Kursus paling sedikit yang diperolehi adalah daripada kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia) (SPC) iaitu sebanyak (12.2%).

Analisis terakhir pada bahagian ini ialah kelulusan terdahulu responden sebelum memasuki UTM. Majoriti responden memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (39.0%), diikuti oleh lepasan Matrikulasi (30.9%). Responden yang memiliki kelulusan Diploma pula adalah sebanyak (28.5%) dan minority memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)(1.6%).

Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Isu Dialog Antara Agama

Objektif pertama kajian ini adalah bagi mengenal pasti tahap pengetahuan responden mengenai dialog antara agama. Sebanyak 18 item telah dibina dan ditadbir bagi memperolehi tahap pengetahuan responden tentang dialog antara agama. Analisis data mendapati kebanyakan item tersebut berada di tahap yang tinggi dengan purata min keseluruhan sebanyak 3.22 dan hanya satu item sahaja yang berada di tahap sederhana.

Kajian ini mendapati bahawa responden sangat bersetuju dan mengetahui bahawa 'Sifat ikhlas dan jujur merupakan etika yang perlu dilakukan ketika berdialog' berdasarkan min yang tertinggi iaitu 3.39. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Sayyid Thantawi (2005: 29- 74), bahawa dialog harus dilakukan atas dasar kejujuran dan bertujuan mencapai kebenaran. Dalam menjalankan gerak kerja ke arah dialog antara agama, sifat ikhlas dan jujur perlu sentiasa konsisten agar matlamat dapat dicapai. Dapatan bagi item 1 juga berada pada tahap yang tinggi berdasarkan min 3.36. Ini menunjukkan responden mengetahui bahawa dialog merupakan perbincangan

atau perbincangan yang dilakukan antara dua pihak dalam mencari kesefahaman bagi menyelesaikan suatu masalah (Fitzgerald, dalam Ahmad Sunawari Long, 2000: 3).

Bagi item 15 pula, kadar perolehan min masih berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.35. Ini menunjukkan, responden mengetahui bahawa 'Dialog berlaku untuk mengikis salah faham terhadap penganut agama lain' Manakala, item 6, item 7 dan item 16 masing-masing memperolehi min keseluruhan yang sama iaitu sebanyak 3.33. Item 6 menunjukkan responden mengetahui bahawa terdapat wujudnya perbezaan fahaman dan amalan agama di negara ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang penduduknya terdiri dari pelbagai anutan agama, bangsa dan budaya.

Dalam beragama harus ada toleransi. Maksud kenyataan ini ialah sifat agama khusus mengandungi kepercayaan dan keyakinan tertentu dan tidak boleh dicampur adukkan dengan mana-mana kepercayaan dari agama lain. Kita dianjurkan supaya menerima perbezaan yang wujud, dengan hati yang terbuka, menghormati pegangan dan kepercayaan orang lain agar persefahaman dapat dipupuk dari semasa ke semasa (Ramli Awang, 2003: 59-60).

Selain itu, item 14 menunjukkan responden mengetahui bahawa dialog boleh merapatkan hubungan sesama manusia yang berbeza agama berdasarkan perolehan min bagi item tersebut iaitu 3.23. Responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai dialog kerana jurang perbezaan fahaman agama yang selama ini merenggangkan hubungan sesama penganut berlainan agama dapat diertakan. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat Ramli Awang (2008: 40), yang menyatakan mereka yang telah saling memahami konsep agama pihak lain akan lebih mampu bekerjasama dan bertolak ansur. Namun, apakah fahaman ini mendasar dalam masyarakat kita pada hari ini? Jika ya, kenapa masih berlakunya perselisihan atau apakah ini merupakan sentimen dan mainan politik semata? Kesemua ini perlu diperhalusi melalui penganjuran dialog sebagai satu asas bagi membina masyarakat majmuk yang harmoni. Oleh itu, dialog memainkan peranan dalam memastikan ketidaksefahaman dalam hubungan sesama manusia yang terdiri dari pelbagai agama dan bangsa dapat dielakkan.

Item 5 dan item 10 mencatatkan perolehan min yang sama iaitu sebanyak 3.16. Berdasarkan pernyataan dalam item 10, umum mengetahui bahawa, adalah satu tindakan yang tidak wajar apabila kita mencelah perbincangan serta merta, apatah lagi sekiranya dialog sedang berlangsung. Penyelidik berpendapat, sifat mencelah ini boleh menimbulkan ketidakselesaian pada pihak lawan kerana seolah-olah mereka tidak diberi peluang untuk menghabiskan hujah yang ingin disampaikan. Item 18 pula menunjukkan bahawa, responden mengetahui bahawa dialog boleh diadakan di semua peringkat lapisan masyarakat berdasarkan perolehan min sebanyak 3.15.

Sementara itu, item 3, masih terdapat di kalangan responden mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana mengenai dialog antara agama adalah satu isu yang tidak menyentuh sensitiviti masyarakat dengan perolehan min sebanyak 2.82. Walaupun segenap lapisan masyarakat berpegang pada agama yang dianuti, kenapa agama sering dikaitkan dengan isu sensitif? Hal ini perlu diselidiki dan diperhalusi kerana sebagai sebuah negara yang terdiri dari pelbagai anutan agama dan budaya, sikap hormat-menghormati pendirian dan kepercayaan orang lain perlu ada dan tidak sekali-kali menimbulkan perasaan yang boleh mengganggu sensitiviti masyarakat seluruhnya.

Kenyataan ini bertentangan sebagaimana dalam laporan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 13 September 2006, menyatakan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, langkah melarang dibangkitkan isu-isu sensitif tidak boleh disama-ertikan dengan larangan untuk berdialog antara agama. Justeru, responden seharusnya perlu menyedari bahawa dialog berlaku untuk mencari titik persefahaman dan perkara-perkara yang boleh mencetuskan sensitiviti penganut agama lain harus diketepikan bagi menjamin kelangsungan siri dialog.

Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Isu Dialog Antara Agama

Bahagian ini akan menjelaskan tahap kefahaman pelajar secara keseluruhan bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu apakah tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama. Sebanyak 15 item telah dianalisis pada objektif kedua ini. Kajian menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap isu dialog antara agama berada di tahap yang tinggi iaitu min bagi keseluruhan item bahagian ini ialah 3.15. Berdasarkan pada min bagi item 19 iaitu 3.33, keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan 'Saya menghormati pilihan anutan agama orang lain'. Dalam perkara fahaman dan anutan agama seseorang tidak boleh memaksa orang lain untuk mengikuti fahaman agamanya. Ini bererti Islam memberi kebebasan untuk memilih agama yang diyakininya (Ghazali Basri, 2004: 6). Oleh kerana hak kebebasan beragama diberikan oleh Islam maka sentimen beragama juga merupakan hak rakyat yang harus dipelihara oleh pemerintah Islam.

Bagi golongan 'Dhimmi' (bukan Islam), mereka boleh membina rumah ibadat ataupun berhala di tempat kediaman mereka termasuklah membina patung pemimpin mereka sendiri. Dapatan ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh Mohd. Azizuddin Mohd. Sani (2002: 56), menyatakan bahawa kebebasan ini mestilah dibatasi dengan mengadakan perbincangan yang baik dan penuh hikmah.

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan perkara 3 (1) menyebutkan bahawa, di bawah tajuk Kebebasan Beragama menjamin tiap-tiap kumpulan agama berhak mengamal, mengurus hal ehwal agama, menubuh, menyelenggara yayasan dan memperoleh, memiliki harta bagi kepentingan agama mereka. Peruntukan ini ada kaitannya dengan perkara 3(1) Perlembagaan, iaitu Islam sebagai agama rasmi negara. Implikasi daripada peruntukan perlembagaan ini ialah penerimaan semua kaum beragama terhadap Islam sebagai agama rasmi negara dan yang paling penting lagi ialah keyakinan orang bukan Islam terhadap Islam sebagai agama yang memperjuangkan hak kebebasan beragama orang lain. Dalam masa yang sama, Islam tetap menghormati dan menjamin hak kebebasan beragama kepada golongan yang membuat keputusan untuk tidak memilih Islam sebagai agama mereka. Justeru, ia membuka ruang yang luas kepada setiap agama untuk menjalankan aktiviti keagamaan mahupun aktiviti mempromosikan dan menyebarkan ajaran kepada penganut lain.

Ini diikuti oleh item 24 yang memperoleh min sebanyak 3.27. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan pernyataan 'Dialog yang dilaksanakan akan dapat memupuk toleransi dan interaksi antara pelbagai agama dan budaya'. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dibuat oleh Osman Bakar (2006) yang menyatakan bahawa dialog yang berkesan akan dapat memupuk sikap toleransi, saling memahami dan mempunyai kesediaan untuk mendengar pandangan dari pihak lain di samping ikhlas untuk berdialog.

Seterusnya, item 21 dan item 26 juga menunjukkan tahap pengetahuan responden masih berada di tahap yang tinggi berdasarkan perolehan min yang sama iaitu sebanyak 3.22. Item 26 menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan pernyataan 'Jika saya terlibat dalam dialog, saya harus mampu mengambil sikap kritis atas diri sendiri dan tradisi agama yang saya yakini. Dapatan ini selari dengan kajian Leonard Swidler dalam dialog antara agama (Shaharom TM Sulaiman, 2004: 26), bahawa kenyataan ini termasuk dalam 10 dasar dialog yang digariskan oleh Leonard Swidler.

Bagi item 25, kadar perolehan min berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 3.21. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan pernyataan bahawa 'Dialog dapat mewujudkan kerjasama yang menjadi nilai sepunya oleh setiap kepercayaan yang didasari oleh agama'. Manakala item 28, mempunyai nilai min yang terendah pada bahagian ini iaitu sebanyak 2.96 dan berada pada tahap yang sederhana. Kebanyakan responden masih tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa 'Badan Bukan Kerajaan (NGO) agama sering mengadakan dialog antara agama'. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat Ghazali Basri (2004: 14), yang menyatakan bahawa Badan Bukan Kerajaan (NGO) agama dianggap sebagai pelopor utama dalam

menimbulkan kesedaran, kesefahaman dan perasaan hormat-menghormati dalam kalangan penganut berlainan agama tidak bergerak aktif dalam menganjurkan dialog antara agama.

Kebanyakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sekarang lebih mengutamakan penganjuran program yang bukan berbentuk keagamaan kerana mereka melihat isu agama yang diketengahkan kepada masyarakat adalah sensitif dan boleh mencetuskan permusuhan. Penyelidik berpendapat, kefahaman mengenai wujudnya perbezaan agama di negara ini akan sukar dicapai jika Badan Bukan Kerajaan (NGO) ini tidak mengambil inisiatif ataupun langkah untuk mengadakan dialog.

Faktor-Faktor yang Mendorong Keterlibatan Pelajar dalam Dialog Antara Agama

Objektif ketiga kajian ini adalah mengenai faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar dalam dialog antara agama. Bahagian ini mengandungi 12 item yang telah dianalisis. Keputusan analisis menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar berada pada tahap tinggi berdasarkan kepada purata min keseluruhan iaitu 3.02. Item yang menunjukkan responden memberi persetujuan yang tertinggi ialah item 37. Ini menunjukkan responden memberi persetujuan dengan pernyataan bahawa 'Saya berminat untuk mengetahui kepelbagaian anutan agama dan budaya di Malaysia' berdasarkan perolehan min sebanyak 3.16.

Penyelidik berpendapat bahawa dengan adanya kepelbagaian anutan agama dan budaya di negara ini mendorong pelajar untuk terlibat dalam dialog atas prinsip toleransi beragama, kebebasan beragama dan sikap saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, semua pihak perlu berusaha dan memberi sokongan di semua peringkat terutamanya di kalangan pendidik mahupun pensyarah agar minat pelajar-pelajar dapat dikekalkan dan terus dipupuk dengan penganjuran program-program tertentu secara berterusan.

Ini diikuti oleh item 35 dan item 44 menunjukkan tahap pengetahuan responden berada di tahap tinggi berdasarkan perolehan min yang sama iaitu sebanyak 3.11. Merujuk pada analisis item 44, responden menyatakan persetujuan bahawa pernyataan 'Saya berdialog untuk mengikis sikap curiga dan prasangka sebahagian penganut agama terhadap agama lain.' Dapatan ini selari dengan kajian Ramli Awang (2008: 38-39) yang mendapati wujudnya perasaan saling mencurigai antara satu sama lain dan anggapan agama sendiri sahaja yang benar mendorong kepada berlakunya dialog antara agama.

Seterusnya item 34, juga dapatan masih berada di tahap tinggi iaitu dengan perolehan min sebanyak 3.09. Dapatan ini menyokong kajian Mohd. Farid Shahrani, 22 Januari 2008, yang mendapati bahawa tindakan sekelompok masyarakat bertindak atas nama agama adalah sesuatu yang tidak dibenarkan oleh mana-mana agama. Pernyataan item 34 ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh Ahmad Sunawari Long (2000: 13). Beliau menyatakan bahawa, terdapat beberapa kumpulan atau individu yang mengamalkan budaya eksklusif iaitu tidak mengiktiraf kewujudan penganut dan agama lain, sedangkan mereka tinggal dalam sebuah masyarakat yang pluralistik. Kelalaian dalam menyedari fakta ini menyebabkan mereka sukar menerima hakikat bahawa agama-agama lain juga mempunyai visi untuk membentuk masyarakat yang baik. Berbeza pula dengan sikap inklusif, yang mana ia mahu menyamakan semua agama bukan sahaja dari segi bentuknya, bahkan juga dari segi intipatinya. Setiap kelompok agama perlu mempertahankan tradisi keagamaan masing-masing dengan tidak perlu menghilangkannya atas dasar toleransi dan akomodasi (Ghazali Basri, 2005:10).

Bagi item 36, menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa 'Saya berdialog untuk mencari titik persefahaman dalam masyarakat' dengan perolehan min sebanyak 3.08. Manakala item 38, item 39, item 42 dan item 45, masing-masing mencatatkan purata min yang sederhana iaitu 2.93, 2.87, 2.98, dan 2.90.

Kebanyakan responden agak ragu-ragu dengan pernyataan item 39, iaitu 'Saya sering mengikuti dialog untuk mengetahui perkembangan konflik yang berlaku antara agama', dengan perolehan min yang sederhana iaitu 2.87. Penyelidik merasakan kita perlu sentiasa mengikuti perkembangan konflik yang berlaku antara agama, kerana dengan adanya pengetahuan mengenai konflik, ia akan mendorong kita untuk mencari satu jalan penyelesaian dan hakikat kebenaran yang boleh dicapai melalui dialog. Ini jelas berdasarkan pendapat Samsuddin Bin Abd. Hamid (2006: 124), dialog penting bagi mencari hakikat tauhid kepada Allah SWT yang sebenarnya dan hendaklah dapat membezakan pegangan antara agama-agama yang wujud.

Item 41, merupakan item yang mempunyai nilai min terendah dalam bahagian ini dengan perolehan min sebanyak 2.84. Ini menunjukkan item 41 berada di tahap sederhana. Kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa 'Pensyarah sering mendorong saya untuk berdialog'. Dalam hal ini, penyelidik berpendapat, pensyarah kurang menggalakkan pelajar untuk menyertai dialog kerana terikat dengan tanggungjawab lain di samping pemilihan subjek yang diajar oleh pensyarah itu sendiri masih terhad dan terikat. Cabang bagi setiap subjek seperti Ilmu perbandingan Agama belum diperluaskan lagi secara menyeluruh. Walaubagaimanapun, tahap kesedaran dan dorongan kepada pelajar untuk terlibat dalam dialog masih boleh ditingkatkan di mana setiap pensyarah perlu mengagihkan tugas berkumpulan melibatkan pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum dan tidak tertumpu pada satu kaum sahaja.

Rumusan

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan yang dilakukan, terdapat beberapa kesimpulan yang dapat dinyatakan dalam kajian ini. Antaranya ialah, pengetahuan mahasiswa tentang istilah serta konsep dialog antara agama berada di tahap tinggi dan masih boleh ditingkatkan. Mahasiswa merasakan istilah dialog merupakan satu istilah ilmiah yang luas pengertiannya dan perlu dikembangkan lagi.

Elemen agama dilihat sebagai satu perkara yang amat penting dan perlu dititikberatkan di dalam proses dialog. Faktor pemahaman terhadap agama lain dilihat sebagai tunggak utama dalam menjana persefahaman dalam kalangan mahasiswa berbilang kaum. Masyarakat mahasiswa perlu sentiasa bersikap terbuka dan saling memahami peranan masing-masing. Mahasiswa juga berpendapat bahawa semua pihak perlu memberi ruang serta bersedia untuk melaksanakan dialog. Mereka juga harus diberi pendedahan dengan lebih lanjut tentang konsep dialog antara agama atau dialog peradaban serta aspek penghayatannya. Persepsi perlu diubah dan melihat elemen keagamaan itu bukanlah satu unsur yang boleh mencetuskan sensitivity masyarakat.

Rujukan

- Abd. Aziz Altwaijri. (1997). *Dialogue and Civilizational Interaction from an Islamic Perspectives*. Cairo: Islamic Edu, Scientific and Cultural org (ISESCO), h.19.
- 'Aidh Abdullah Al-Qarni. (2008). *Adab Berdialog dan Strateginya* (Editor: Dr. Mohd. Puzhi Bin Usop. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Basri. (2004). *Islam Dan Keharmonian Hidup Beragama Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, Kompleks Dar al-Hikmah, Kajang.

- Ghazali Basri. (2005). Dialog Antara Agama Di Malaysia. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Ibn Manzur. (1988). Lisanul Arab al-Muheet. Jilid 1. Beirut: Dar Ajjabal Dar. Jonathan Z. Smith. (1996). The Harpercollins Dictionary of Religion. London: Harper Collins. H.317
- Mohd. Farid Shahrani. (2008). Dialog Antara Agama Dan Peradaban Perspektif Agama Dan Tamadun. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd. Majid Konting. (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd. Azizuddin Mohd. Sani. (2002). Hak Asasi Manusia Menurut Pandangan Islam dan Barat. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Muhammad Hasan Al-Homsi. (1999). Al-Quran dan Tajwid terjemahan Mujamma' Malik Fahd. Beirut, Lubnan: Penerbit Al-Iman.
- Muhammad Sayyid Thantawi. (2005). Etika Dialog Dalam Islam (Penterjemah: Ahmad Zamroni Kamali, Lc & Abdul Hafidz Bin Zaid, Lc). Mesir: Daar An-Nahdhah.
- Paul F. Knitter (1985). Christian Approaches To Dialogue. London: SCM, hh.207-11).
- Ramli Awang. (2008). Dialog Antara Agama Dari Perspektif Al-Quran. Skudai: Penerbit UTM.
- Ramli Awang. (2003). Islam Alternatif Perpaduan Sejagat. Skudai: Penerbit UTM.
- Ruslani. (2000). Masyarakat Kitab dan Dialog antara Agama: Studi atas Pemikiran Mohammed Arkoun. Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya.
- Sahibi Naim. (1983). Kerukunan Antar Umat Beragama. Jakarta: PT. Gunung Agung.
- Sayyid Qutb. (2000). Tafsir Fi Zilalil Quran (terj.), Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- Sheikh Abdullah Bin Muhammad Basmeih. (2000). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikr.